



## MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

### PRAKATA

Saya kemukakan di Dewan yang mulia ini buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024 yang mengandungi Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan berteraskan iltizam Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat bagi semua kementerian dan jabatan membiayai perbelanjaan program, aktiviti dan projek pembangunan pada tahun 2024.

Belanjawan MADANI Kedua (2024) merupakan kesinambungan usaha Kerajaan yang berterusan dalam mengangkat semula darjat dan martabat Negara Malaysia. Belanjawan 2024 akan menjadi langkah pertama yang menyusul Kerangka Ekonomi MADANI selain merealisasikan sasaran yang digariskan di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12).

Bagi memastikan proses penyediaan Belanjawan 2024 lebih menyeluruh dan terangkum, Kementerian Kewangan telah mengadakan pelbagai sesi libat urus termasuk jelajah ke negeri-negeri untuk menghimpunkan pandangan daripada pelbagai pihak mewakili kementerian, persatuan, dewan perniagaan, pakar ekonomi, ilmuan, teknorat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan antarabangsa dan juga orang awam. Selain itu, Kementerian Kewangan juga telah mengadakan beberapa sesi dialog bagi membincangkan isu-isu kritikal serta mendapatkan cadangan dan input penting dalam menghayati denyut nadi dan aspirasi rakyat. Sebagai salah satu usaha Kerajaan dalam menjadikan proses penyediaan belanjawan tahunan yang lebih telus dan terbuka, Portal Cadangan Belanjawan 2024 juga disediakan sebagai medium untuk mendapatkan pandangan daripada segenap lapisan masyarakat.

Antara cadangan yang diambil kira termasuklah berkaitan aspek tatakelola dan penyampaian perkhidmatan Kerajaan, penyelenggaraan kemudahan awam, pembasmian kemiskinan tegar, kos sara hidup, keterjaminan makanan serta pengupayaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Cadangan-cadangan ini telah diperhalusi dan dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada ikhtiar di bawah Belanjawan 2024.

Kerajaan beriltizam untuk merealisasikan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat melalui penstrukturkan semula ekonomi supaya negara dapat kembali menjadi jaguh serantau. Dengan demikian, hasil yang diraih daripada lonjakan ekonomi, dapat disalurkan untuk mengangkat darjat hidup rakyat ke tahap lebih tinggi serta sejahtera berlandaskan prinsip keadilan dan peluang yang saksama buat semua. Dalam menjayakan Ekonomi MADANI, Kerajaan juga akan memastikan pengamalan tatakelola terbaik serta penyampaian perkhidmatan yang tangkas, efisien dan mesra rakyat.

Dukungan, kepercayaan dan kerjasama semua pihak terhadap ikhtiar Kerajaan amatlah mustahak bagi melancarkan pelaksanaan segala yang dirancang. Saya amat yakin bahawa maklumat yang terkandung dalam buku ini telah menggariskan hala tuju dengan jelas untuk kementerian serta agensi melaksanakan program, aktiviti dan projek pada tahun 2024.



**ANWAR IBRAHIM**  
13 Oktober 2023